



“SYABAS & TAHNIAH”

Setinggi – tinggi tahniah kepada **Prof. Dr. Fredolin Tangang @ Tajudin Mahmud** yang telah dilantik sebagai **Inter-governmental Panel on Climate Change (IPCC) Vice-chair for Working Group I (WG I) – The Physical Science Basis** dalam Sesi Pemilihan **IPCC Bureau Members** yang berlangsung bersempena dengan Sesi Plenari ke-29 IPCC

dan ulangtahun IPCC ke-20 di Geneva, Switzerland pada 31 Ogos – 4 September 2008 (<http://www.ipcc.ch/>, klik “Newly Elected IPCC Bureau”). Ini bermakna Prof. Fredolin juga adalah salah seorang dari 30 ahli dalam **IPCC Bureau Members** yang baru dilantik. Dari senarai lantikan yang baru (rujuk website IPCC), Prof. Fredolin yang mewakili Malaysia adalah satu-satu wakil tunggal dari rantau Asia Tenggara dalam **IPCC Bureau Members**.

Prof. Fredolin yang juga seorang profesor di **Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam, Fakulti Sains dan Teknologi** dan Penyelaras **Pusat Penyelidikan Sistem Perubahan Iklim Tropika (IKLIM)**, FST serta Ketua Kelompok **Perubahan Iklim Tropika** bagi **Nic Perubahan Iklim UKM** adalah rakyat Malaysia pertama pernah menganggotai **IPCC Bureau Members** sejak ia ditubuhkan pada tahun 1988. IPCC pada awal tahun 2007 telah menerbitkan **Fourth Assessment Report (AR4) on Climate Change** yang mendapat liputan luas di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Laporan ini berjaya meningkatkan kesedaran dunia mengenai Perubahan Iklim. Berdasarkan kepada laporan ini, IPCC telah dinobatkan sebagai **Pemenang Nobel Peace Prize 2007** bersama dengan Bekas Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore pada 10 December 2007.

Pemilihan Prof. Fredolin sebagai **IPCC Vice-chair WG I** dan **IPCC Bureau Members** diharap menjadi pemangkin kepada **Pusat Penyelidikan Sistem Perubahan Iklim (IKLIM)** dan **Nic Perubahan Iklim** di UKM. Warga UKM mengucapkan Syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Prof. Fredolin.